



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PADANG AWAM DAN PADANG BOLA SEPAK SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMP OH TIGA (3) TAHUN
NO. TENDER : PPj/T/JL/41/2024

- 1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred : G6 Kategori : CE Pengkhususan : CE14 Dan Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera	23 September 2024 (Isnin) 10.30 pagi TAKLIMAT: Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya LAWATAN TAPAK: Padang Bolasepak Komuniti, P5, Wilayah Persekutuan Putrajaya (DIWAJIBKAN)	23 September 2024 (Isnin) sehingga 04 Oktober 2024 (Jumaat) Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM 300.00 (Tidak dikembalikan) Kad Debit & Kredit / Maybank QRPay & E-Wallet (TnGo, Boost, Grabpay) / Perbankan Internet	15 Oktober 2024 (Selasa) 12.00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- 3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti **berpengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja dalam bidang berkaitan bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu.**
- 4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- 5. Taklimat tender akan diadakan pada **23 September 2024 (Isnin), 10.30 pagi di Panggung Mawar Sari , Kompleks Perbadanan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.** Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Sijil SPKK adalah **DIWAJIBKAN.** Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, Sijil STB dan Cap Syarikat.
- 6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Sijil STB.
- 7. Tender ini akan ditutup pada **15 Oktober 2024** bersamaan hari **Selasa, jam 12.00 tengah hari.** Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- 8. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.